



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan 1968

DR.02/1968

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Act bagi menggunakan sa-jumlah wang daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1968 dan bagi memperuntukkan wang itu dan lain² wang sa-bagaimana yang telah di-benar di-keluarkan untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Perbekalan, 1968.

Tajok
ringkas.

2. (1) Pengeluaran sa-jumlah wang yang tidak lebeh daripada sembilan ratus tiga puluh lima juta tiga ratus empat puluh lima ribu sembilan ratus tiga puluh satu ringgit (\$935,345,931) daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1968 ada-lah dengan ini di-benarkan.

Pengeluaran
dan
peruntukan
untuk per-
khidmatan
bagi tahun
1968.

(2) Wang yang di-benar di-keluarkan oleh Act ini dan wang sa-banyak empat ratus tujuh puluh tiga juta dua ratus dua puluh ribu lapan ratus ringgit (\$473,220,800) yang telah di-benar di-keluarkan menurut sekshen 2 dalam Act Kumpulan Wang yang di-Satukan (Perbelanjaan atas Kira²), 1967, yang berjumlah besar sa-banyak sa-ribu empat ratus lapan juta lima ratus enam puluh enam ribu tujuh ratus tiga puluh satu ringgit (\$1,408,566,731) ada-lah dengan ini di-peruntukkan, dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-peruntukkan, mulai dari tarikh berjalan kuatkuasa Act Kumpulan Wang yang di-Satukan (Perbelanjaan atas Kira²), 1967, bagi maksud² yang tersebut dalam Jadual kapada Act ini.

75 tahun
1967.

JADUAL

RUANGAN 1							RUANGAN 2
<i>Tajok</i>							<i>Jumlah</i>
<i>Kepala</i>							
							\$
B. 1	...	Parlimen	...	...	...	...	3,400,807
B. 2	...	Majlis Raja-Raja	...	...	...	...	143,929
B. 3	...	Juru Odit Negara	...	...	...	...	3,226,654

		RUANGAN 1		RUANGAN 2
<i>Kepala</i>		<i>Tajok</i>		<i>Jumlah</i>
				\$
B. 4	...	Surohanjaya Pilehanraya	...	1,373,719
B. 5	...	Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam	...	778,277
B. 6	...	Surohanjaya Perkhidmatan Keretapi	...	110,670
B. 7	...	Perdana Menteri	...	7,284,302
B. 8	...	Pejabat Setia-usaha Persekutuan	...	732,183
B. 9	...	Pejabat Perjawatan Malaysia	...	9,123,464
B. 10	...	Arkib Negara	...	410,100
B. 11	...	Perangkaan	...	4,717,300
B. 12	...	Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerja-sama	...	24,106,632
B. 13	...	Kementerian Perdagangan dan Perusahaan	...	5,441,582
B. 14	...	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Soka	...	3,665,921
B. 15	...	Muzium	...	453,147
B. 16	...	Kementerian Pertahanan	...	251,954,787
B. 17	...	Kementerian Pelajaran	...	46,480,059
B. 18	...	Pemberian dan Pemberian Bantuan Pelajaran	...	310,388,526
B. 19	...	Jabatan Pelajaran—Malaysia Timor	...	44,609,567
B. 20	...	Kementerian Luar Negeri	...	16,251,121
B. 21	...	Jabatan Urusan Haji	...	321,890
B. 22	...	Perbendaharaan	...	4,983,403
B. 23	...	Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan	...	30,309,678
B. 24	...	Peruntukan Kapada Kumpulan Wang Terkanun	...	64,200,000
B. 25	...	Kastam dan Eksais Di-Raja	...	13,160,798
B. 26	...	Kastam dan Eksais Di-Raja—Malaysia Timor	...	3,506,458
B. 27	...	Jabatan Hasil Dalam Negeri	...	7,774,362
B. 28	...	Jabatan Hasil Dalam Negeri—Malaysia Timor	...	1,294,303
B. 29	...	Kementerian Kesihatan	...	146,319,947
B. 30	...	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	...	3,615,370
B. 31	...	Polis Di-Raja Malaysia	...	147,218,200
B. 32	...	Jabatan Imigresen	...	3,767,408
B. 33	...	Penjara	...	10,967,794
B. 34	...	Jabatan Perchetakan	...	5,576,126
B. 35	...	Pendaftar Pertubohan	...	410,971
B. 36	...	Pesurohjaya Pendaftaran Negara	...	3,719,638
B. 37	...	Jabatan Kimia	...	1,191,167
B. 38	...	Kementerian Penerangan dan Penyiaran	...	4,058,401
B. 39	...	Radio	...	14,519,842
B. 40	...	Talivishen	...	8,136,870
B. 41	...	Jabatan Penerangan	...	9,737,273
B. 42	...	Kementerian Ke'adilan	...	78,320
B. 43	...	Jabatan Kehakiman	...	5,844,639
B. 44	...	Jabatan Peguam Negara	...	1,572,246

<i>Kepala</i>	RUANGAN 1		RUANGAN 2
	<i>Tajok</i>		<i>Jumlah</i> \$
B. 45	...	Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musoh ...	845,579
B. 46	...	Pegawai Muflis dan Pegawai Penerima ...	441,925
B. 47	...	Kementerian Buroh ...	7,352,332
B. 48	...	Kementerian Tanah dan Galian ...	885,293
B. 49	...	Pesurohjaya Tanah ...	679,834
B. 50	...	Jabatan Galian ...	1,385,132
B. 51	...	Jabatan Ukor ...	14,331,289
B. 52	...	Jabatan Penyiataan Kajibumi ...	1,209,441
B. 53	...	Perhutanan ...	2,082,122
B. 54	...	Jabatan Mergasetua ...	251,299
B. 55	...	Jabatan Orang Asli ...	2,315,500
B. 56	...	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ...	645,232
B. 57	...	Peranchang Bandar dan Kampong ...	454,774
B. 58	...	Perkhidmatan Bomba ...	223,877
B. 59	...	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ...	9,930,401
B. 60	...	Kementerian Pengangkutan ...	1,929,669
B. 61	...	Penerbangan 'Awam ...	2,743,039
B. 62	...	Penerbangan 'Awam dan Perkhidmatan Kajichuacha—Malaysia Timor ...	3,306,274
B. 63	...	Perkhidmatan Kajichuacha ...	1,586,662
B. 64	...	Jabatan Laut ...	2,758,583
B. 65	...	Jabatan Laut—Malaysia Timor ...	3,329,831
B. 66	...	Pengangkutan Jalan ...	2,910,766
B. 67	...	Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am ...	5,659,933
B. 68	...	Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom ...	10,861,620
B. 69	...	Perkhidmatan 'Am Kerja Raya ...	30,318,520
B. 70	...	Perkhidmatan Pos ...	24,212,177
B. 71	...	Jabatan Pos dan Talikom—Malaysia Timor ...	9,796,699
B. 72	...	Jabatan Talikom ...	39,181,077
Jumlah ...			1,408,566,731

HURAIAN

Rang Undang² ini ada-lah membuat peruntokan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan sa-banyak sembilan ratus tiga puluh lima juta tiga ratus empat puluh lima ribu sembilan ratus tiga puluh satu ringgit (\$935,345,931) untuk perkhidmatan bagi tahun 1968, dan supaya wang yang tersebut itu dan wang yang di-benar di-keluarkan di-bawah seksyen 2 dalam Act Kumpulan Wang yang di-Satukan (Perbelanjaan atas Kira²), 1967, di-peruntokkan bagi maksud² yang di-nyatakan dalam Jadual.